

**GARIS PANDUAN IBU BAPA/ TETAMU GRADUAN**  
**MAJLIS KONVOKESYEN 2019 POLITEKNIK METRo TASEK GELUGOR**

**Majlis Konvokesyen 2019** akan diadakan pada **22 September 2019 (Ahad)** jam 8.00 pagi bertempat di **The Light Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang**. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama para Graduan untuk mengambil tindakan- tindakan berikut. Sila baca dengan teliti panduan dan peraturan yang telah digariskan.

**1. IBUBAPA/ TETAMU GRADUAN**

- 1.1 Bilangan tetamu atau ibubapa graduan yang dibenarkan masuk ke dalam Dewan Majlis Konvokesyen adalah **seramai 2 orang sahaja** bagi setiap graduan.
- 1.2 **Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dewan.**
- 1.3 Ibu bapa/ tetamu jemputan perlu berpakaian rasmi dan sopan semasa berada di Dewan Majlis Konvokesyen.
- 1.4 Ibu bapa/ tetamu Graduan perlu berada di dewan Majlis Konvokesyen selewat-lewatnya pada pukul **8.30 pagi**. Pintu masuk dewan akan ditutup setengah jam sebelum majlis bermula bagi melancarkan majlis.
- 1.5 Ibu bapa/ tetamu graduan perlu menunjukkan **pas masuk** Majlis Konvokesyen 2019 untuk masuk ke dalam dewan.

## 2. ETIKA PAKAIAN

### 2.1 Pakaian Tetamu Lelaki :-

- i) Baju Kebangsaan, atau
- ii) Batik, atau
- iii) Lounge Suit, atau
- iv) Pakaian Rasmi yang sesuai (seluar jeans dan kemeja-T **TIDAK DIBENARKAN**).

### 2.2 Pakaian Tetamu Wanita :-

- i) Baju Kebangsaan atau
- ii) Pakaian Rasmi atau pakaian sopan (pakaian gaun atau *skirt* melebihi atas paras lutut, *blouse* tanpa lengan, kemeja-T, dan seluar adalah **TIDAK DIBENARKAN**)



## **PERINGATAN**

1. Ibu bapa / tetamu diminta untuk menghormati istiadat yang sedang berlangsung dengan tidak membuat bising atau menganggu keharmonian istiadat.
2. Ibu bapa / tetamu juga **DILARANG** meninggalkan dewan semasa Istiadat Konvokesyen sedang berlangsung.
3. Tetamu/ anak-anak yang berumur di bawah 12 tahun adalah **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam Dewan Konvokesyen.
4. Ibu bapa / tetamu adalah dinasihatkan supaya bersarapan pagi terlebih dahulu sebelum memasuki dewan. Istiadat Konvokesyen dijangka akan mengambil masa yang agak lama untuk selesai.